

 Isnin, Apr 23 2018

ECRL pacu pertumbuhan ekonomi Pantai Timur

Dungun: Projek Laluan Rel Keretapi Pantai Timur (ECRL) yang sedang rancak pembinaannya, akan memberi limpahan pembangunan ekonomi kepada penduduk pantai timur.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Seri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata projek yang dijangka siap menjelang 2024 itu, akan mewujudkan pelbagai pusat komersial yang bakal memberi peluang perniagaan kepada rakyat.

Beliau berkata, apabila projek

itu siap, ia bukan sahaja menyediakan perkhidmatan pengangkutan terbaik pada rakyat, malah menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada belia dan graduan.

"Sepanjang jajaran itu juga kita akan naikan pembangunan bercampur iaitu pembinaan rumah kedai, rumah mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

"Ini bagi memudahkan mereka untuk berulang-alik ke tempat kerja dan tak payah memandu,

membayar parkir sekali gus menjimatkan perbelanjaan rakyat," katanya pada Program MOF Bersama Rakyat anjuran Jabatan Akuntan Negara Malaysia di Arena Merdeka, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Pegawai daerah Dungun, Ibrahim Mohamad dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun, Osman Bakar.

Bina perumahan

Mohd Irwan berkata, setakat ini, kerajaan sedang mengenal pasti

tanah-tanah kerajaan untuk dibina perumahan itu.

"Selepas ini kita akan mengenal pasti tanah milik penduduk dan kita akan membayar pampasan kepada mereka dengan harga nilai semasa," katanya.

Projek pembangunan

Sementara itu, Mohd Irwan berkata, pelbagai bentuk projek pembangunan dan sumbangan yang diberikan kepada rakyat membuktikan kerajaan mempunyai kewangan negara

yang mencukupi.

"Rakyat tidak perlu bimbang dengan tohmahan yang mengatakan semua pemberian itu boleh menyebabkan negara menjadi mufliis.

"Sebab itu, Perdana Menteri berani mengumumkan pelbagai projek pembinaan dan sumbangan kepada rakyat termasuk Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) kerana negara tidak mempunyai kekurangan kewangan sebaliknya ekonomi negara sedang berkembang," katanya.